

Lawatan PM dijangka bincang konflik selatan Thailand



**Daripada
Adha
Ghazali
di Bangkok**
adha@bh.com.my

Lawatan rasmi Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Thailand bukan sekadar penting untuk memacu hubungan dua hala kedua-dua negara, malah turut membawa harapan besar dalam memangkin proses rundingan damai selatan Thailand.

Ramai kalangan pakar dan ahli akademik negara ini menaruh minat tinggi untuk melihat peranan Perdana Menteri Mala-

ysia itu dalam membawa momentum positif kepada konflik yang sudah berlarutan berpuluh tahun.

Justeru, isu membabitkan konflik selatan Thailand dijangka menjadi antara inti pati yang turut dibincangkan Anwar bersama rakan sejawatnya, Prayuth Chan o-cha, apatah lagi Malaysia berperanan sebagai fasilitator bagi proses dialog damai itu.

Jumaat lalu, Tan Sri Zulkilfi Zainal Abidin selaku Ketua Fasilitator Kerajaan Malaysia bagi proses dialog damai selatan Thailand, mengadakan kunjungan hormat ke atas Jeneral Wanlop Ruksanaoh yang mengetuai Panel Dialog Keamanan bagi Wilayah Sempadan Selatan Thailand (PEDP).

Perbincangan dua Perdana Menteri itu di sini hari ini dijangka memperkemas lagi rangka rundingan sebelum berlangsung pusingan keenam rundingan damai konflik selatan Thailand di Kuala Lumpur pada 21 dan 22 Februari ini.

Rundingan antara kerajaan dan pemberontak bermula 2013, namun terhenti berikutan rampasan kuasa tentera di Thailand setahun kemudian. Rundingan kemudian diteruskan tanpa membabitkan parti utama, termasuk Barisan Revolusi Nasional (BRN).

Pemantau bebas Deep South Watch mendedahkan serangan keganasan di selatan Thailand sejak 2004 membabitkan wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan Songkhla meragut lebih

7,000 nyawa setakat ini.

Berdasarkan jadual, Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan dua hala bersama rakan sejawatnya yang dijangka memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin itu untuk membincangkan hala tuju kerjasama pelbagai bidang membabitkan kepentingan kedua-dua negara, termasuk kerjasama ekonomi, pembangunan kawasan sempadan dan projek kesalinghubungan di kawasan sempadan darat.

Kedua-dua perdana menteri juga akan menyaksikan majlis pertukaran empat memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang kerjasama tenaga dan ekonomi digital, selain turut bertukar pandangan mengenai isu serantau serta antarabangsa

yang berkepentingan bersama.

Perdana Menteri juga dijadual mengadakan sesi libat urus bersama diaspora Malaysia di Bangkok, selain menghadiri pertemuan bersama penggiat industri.

Kunjungan atas jemputan Prayuth itu adalah lawatan sulung Anwar selepas dilantik menjadi Perdana Menteri ke-10 pada 24 November lalu ke destinasi keempat selepas Indonesia, Brunei dan Singapura.

Pada 2022, Thailand adalah rakan dagangan ketujuh terbesar Malaysia pada peringkat global dan ketiga terbesar dalam kalangan negara ASEAN dengan jumlah dagangan AS\$27.75 bilion (RM122.03 bilion), meningkat 17.9 peratus berbanding 2021.